

SIARAN MEDIA

TINDAKAN RESPONSIF KPKT TERHADAP LAPORAN ADUAN RAKYAT ISU KEMISKINAN BANDAR DI TV3

PUTRAJAYA, 28 Jun 2023 – Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) mengambil tindakan proaktif terhadap laporan berita isu ‘Warga Kota Rayu Rumah Usang dan Uzur Dibaiki Segera’ yang melibatkan tiga aduan yang dibangkitkan oleh Encik Ishak bin Ismail, Puan Norhayati Samsudin dan Puan Salmah binti Latif dari Kampung Pandan Dalam dalam segmen Aduan Rakyat sewaktu siaran Buletin Utama di saluran Sistem Televisyen Malaysia Berhad (TV3) bertarikh 24 Jun 2023.

Susulan daripada laporan berita tersebut, KPKT terus bertindak responsif dengan mengadakan satu lawatan turun padang bersama-sama pihak-pihak berkepentingan lain seperti Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ), Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Pusat Zakat Selangor bagi membuat semakan terhadap aduan yang diutarakan pada tarikh 24 Jun 2023 tersebut. Berdasarkan semakan yang dibuat didapati ketiga-ketiga pengadu tersebut tidak mempunyai pendapatan tetap serta mempunyai masalah kesihatan. Semakan juga mendapati **rumah yang diduduki oleh mereka adalah rumah yang dimiliki oleh ahli keluarga lain/waris terdahulu malah ketiga-tiga pengadu juga tidak pernah berdaftar dalam Sistem eKasih.**

Berdasarkan penilaian, KPKT akan mempertimbangkan supaya bantuan diberikan kepada ketiga-tiga pengadu melalui Program Pembasmian Kemiskinan Bandar (PPKB) sekiranya memenuhi syarat Program ini. Melalui program ini, ia merupakan satu usaha yang komited daripada KPKT dalam membantu dan terus memberikan sentuhan kasih sayang bagi menangani isu kemiskinan bandar dalam kalangan B40.

Selain itu, KPKT bekerjasama dengan PBT iaitu MPAJ selaku pihak penyelaras bantuan dari pelbagai pihak agensi bagi tujuan bantuan disalurkan kepada pengadu berkenaan. KPKT turut mengambil inisiatif untuk mendaftarkan pengadu tersebut di dalam Sistem eKasih sebagaimana ditetapkan garis panduan PPPKB yang telah dikeluarkan oleh KPKT.

Melalui program ini, Ketua Isi Rumah (KIR) atau Ahli Isi Rumah (AIR) yang menetap di kawasan operasi Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan berdaftar di bawah Sistem eKasih layak untuk dipertimbangkan jika memenuhi syarat/ kriteria yang ditetapkan seperti berikut;

Program Baik Pulih Rumah di Bandar

- Rumah masih boleh diduduki dan ekonomik untuk dibaiki; dan
- Pembaikan melibatkan komponen-komponen asas rumah sahaja seperti bumbung, siling, tangga, dapur, tandas, bilik air, pintu, dinding, lantai simen/ kayu, tingkap, perpaipan, perparitan rumah, pembedungan/ kumbahan dan pendawaian elektrik.

Program Bina Baharu Rumah di Bandar

- Memiliki tanah kosong atas nama sendiri untuk dibina rumah (bagi bina baharu); dan
- Jika tidak memiliki tanah sendiri, KIR/ AIR perlu mendapatkan kebenaran bertulis daripada tuan tanah/ waris berkenaan untuk membina rumah atas tanah/ tapak yang dikenal pasti.

Permohonan bagi kedua-dua program ini boleh dipohon melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) selaku agensi pelaksana bagi program ini bertanggungjawab dalam mengenal pasti KIR yang layak melalui semakan di lapangan dan senarai nama pemohon-pemohon yang telah disaring seterusnya akan dikemukakan kepada KPKT bagi tujuan pertimbangan dan kelulusan.

Sebarang pertanyaan lanjut berhubung perkara ini, orang awam boleh mendapatkan maklumat lanjut di laman sesawang <https://www.kpkt.gov.my/index.php/pages/view/690> atau mengemukakan pertanyaan melalui Sistem Aduan Bersepadu KPKT di pautan aduan.kpkt.gov.my untuk tindakan sewajarnya.

#MalaysiaMadani
#StrongerTogether
#DemiPertawi
#UnityInDiversity

Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLAN Malaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

*Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my*

